


Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik



Tidak lama lagi, pengguna akan mempunyai kuasa untuk memilih pembekal runcit elektrik sambil menikmati bekalan elektrik sama yang boleh dipercayai. Pilihlah pelan yang sesuai untuk anda.

5 Fakta Penting Mengenai Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik

Elektrik menggerakkan banyak peralatan dan peranti yang kita gunakan setiap hari - telefon bimbit, komputer, dan alat hawa dingin. Hari ini, semua isi rumah dan perniagaan kecil perlu membeli elektrik daripada SP Group. Dengan Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik, anda tidak lama lagi akan dapat memilih pembekal runcit elektrik anda.

1 Pilihan adalah milik anda

Anda mempunyai pilihan untuk membeli elektrik daripada pembekal runcit elektrik pada pelan harga yang paling sesuai dengan keperluan anda. Atau, anda juga bebas untuk kekal dengan SP Group pada tarif yang terkawal. Tiada tarikh akhir untuk anda menukar pembekal elektrik. Sebaik-baiknya, luangkan masa untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pilihan anda sebelum membuat keputusan.

2 Pembekal runcit baru, bekalan elektrik yang sama

Bekalan elektrik anda tetap sama walaupun anda memilih untuk membeli elektrik daripada pembekal runcit. SP Group akan terus mengendalikan grid kuasa kebangsaan dan menyalurkan tenaga elektrik kepada semua orang.

3 Tidak wajib untuk bertukar

Tidak wajib untuk anda bertukar kepada pembekal runcit. Anda boleh terus membeli elektrik daripada SP Group pada tarif yang terkawal seperti yang anda lakukan hari ini. Tiada tindakan selanjutnya yang diperlukan.

4 Gunakan rebat U-Save selepas anda menukar

Sekiranya anda layak mendapat rebat U-Save, anda masih boleh menggunakan ia untuk mengimbangi bil elektrik anda selepas bertukar kepada pembekal runcit elektrik.

5 Penukaran adalah mudah

Adalah mudah untuk menukar kepada pembekal runcit elektrik jika anda ingin berbuat demikian. Pembekal runcit yang anda pilih akan beurusan secara langsung dengan SP Group untuk membuat penukaran bagi pihak anda.

Apa yang perlu dilakukan sebelum membuat pilihan

Inilah yang anda boleh lakukan sebelum memilih sama ada untuk beralih kepada pembekal runcit atau kekal bersama SP Group:

Gunakan sumber yang ada untuk memahami pilihan anda

Untuk membantu anda memahami dengan lebih baik bagaimana Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik berfungsi dan pilihan anda, anda boleh lawati lelaman www.openelectricitymarket.sg. Anda boleh mengetahui bagaimana bekalan elektrik anda tetap sama walaupun anda beralih ke pembekal runcit. Atau bagaimana anda boleh beralih semula ke SP Group selepas menamatkan kontrak anda.

Jika anda lebih selesa bercakap dengan seseorang, terdapat talian **1800-233-8000** yang boleh anda hubungi untuk mendapatkan bantuan.

Lihat-lihat dan periksalah dahulu sebelum membuat keputusan mengenai sesuatu pelan harga

Layari <http://compare.openelectricitymarket.sg> untuk membandingkan pelbagai pelan harga biasa yang ditawarkan oleh pembekal runcit. Secara alternatif, hubungi beberapa pembekal runcit yang berlainan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai apa yang mereka tawarkan. Baca lembaran fakta untuk membantu anda memutuskan yang mana satukah pilihan yang paling sesuai untuk anda. Anda juga harus membaca nasihat untuk pengguna yang menjelaskan perkara-perkara penting sebelum mendaftar dengan pembekal runcit tersebut.




Akan Datang Minggu Depan...

Ketahui lebih lanjut mengenai cara-cara anda boleh beralih kepada pembekal runcit dan perkara-perkara yang perlu anda perhatikan apabila mendaftar dengan pembekal runcit.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik, layari www.openelectricitymarket.sg atau hubungi **1800-233-8000**.


Pernah tertanya-tanya dari mana elektrik anda datang dan bagaimana ia sampai kepada anda?

Syarikat-syarikat jana kuasa di Singapura menggunakan kebanyakannya gas asli untuk menghasilkan elektrik. Ia kemudian dihantar ke rumah-rumah dan perniagaan melalui grid kuasa kebangsaan, yang dikendalikan oleh SP Group.



LOJI KUASA

Elektrik dijana oleh loji kuasa.




GRID KUASA

SP Group, yang mengendalikan grid kuasa kebangsaan, akan menyampaikan bekalan elektrik kepada semua orang.



PENGGUNA

Pengguna boleh memilih untuk membeli elektrik dari SP Group atau pembekal runcit.



ATAU



Pengguna membeli elektrik pada harga yang paling sesuai dengan keperluan mereka.

Grafik di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.

Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik


MEMILIH PELAN HARGA YANG SESUAI DENGAN KEPERLUAN ANDA!

Dengan Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik, anda boleh memilih untuk membeli elektrik daripada pembekal runcit pada pelan harga yang sesuai dengan keperluan anda atau anda boleh kekal dengan SP Group pada tarif yang terkawal. Bekalan elektrik anda tetap sama, tidak kira siapa yang anda pilih untuk membekalkan elektrik.

PELAN HARGA BIASA YANG ANDA BOLEH PILIH


Jika anda bercadang untuk beralih kepada pembekal runcit elektrik, terdapat dua pelan harga biasa (Pelan Harga Tetap dan Pelan Diskaun Daripada Tarif Terkawal) untuk dipilih. Pelan-pelan ini meliputi kadar elektrik "semua-termasuk". Ini bermakna anda membayar kadar seperti yang dinyatakan oleh pembekal runcit elektrik. Pelan harga biasa juga meliputi tempoh kontrak 6, 12 atau 24 bulan.

1 Pelan Harga Tetap




Bayar **kadar tetap** sepanjang tempoh kontrak anda. Kadar boleh menjadi lebih tinggi atau lebih rendah daripada tarif yang terkawal.

Sebagai contoh, bil bulanan anda boleh kelihatan seperti ini:



$$\begin{aligned} & \times 400 \text{ kWh}^* \\ & (\text{penggunaan bulanan}) \\ & = \$77.20 \\ & (\text{sebelum GST}) \end{aligned}$$

2 Pelan Diskaun Daripada Tarif Terkawal



Nikmati **diskaun tetap** sepanjang tempoh kontrak anda. Kadar ini akan berubah mengikut perubahan tarif terkawal.

Sebagai contoh, bil bulanan anda boleh kelihatan seperti ini:



$$\begin{aligned} & \times 400 \text{ kWh}^* \\ & (\text{penggunaan bulanan}) \\ & = \$77.20 \\ & (\text{sebelum GST}) \end{aligned}$$

Angka dan graf yang dinyatakan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
* Kilowatt-hour (kWh) digunakan untuk mengukur penggunaan elektrik anda dari masa ke masa.

Pelan yang manakah untuk saya?

Pilih Pelan Harga Tetap jika anda memilih kepastian dalam kadar yang anda bayar untuk penggunaan elektrik anda. Atau pertimbangkan Pelan Diskaun Daripada Tarif Terkawal jika anda tidak keberatan jika kadar berubah setiap suku tahun, selagi kadar kurang daripada tarif yang terkawal.

Tidak ada tarikh akhir untuk menukar, oleh itu, luangkanlah masa untuk anda mengetahui lebih lanjut tentang pelan harga sebelum membuat keputusan.

PERALIHAN DIMUDAHKAN

Cara untuk beralih



1 Bandingkan pelan harga

Kunjungi compare.openelectricitymarket.sg untuk membuat perbandingan dan cari pelan harga biasa yang sesuai dengan keperluan anda.

2 Hubungi pembekal runcit

Hubungi pembekal runcit elektrik pilihan anda untuk mengetahui lebih lanjut mengenai pelan harga yang anda inginkan. Butiran hubungan boleh didapati di www.openelectricitymarket.sg.

3 Daftar dengan pembekal runcit elektrik pilihan anda

Pembekal runcit elektrik anda akan bekerja secara langsung dengan SP Group untuk membuat peralihan bagi pihak anda. Kontrak anda akan bermula seawal 5 hari perniagaan selepas pembekal runcit elektrik anda memberitahu SP Group untuk membuat peralihan.

- Baca Lembaran Fakta pelan harga pilihan anda. Ia mengandungi perkara-perkara penting untuk anda ketahui seperti harga, tempoh kontrak, caj penamatan awal, dan klausula pembaharuan automatik.

- Sesetengah pembekal peruncit mungkin memerlukan deposit keselamatan daripada anda. Jumlahnya tidak boleh melebihi dua kali ganda bil elektrik bulanan purata anda. Deposit keselamatan akan dikembalikan kepada anda pada akhir kontrak atau jika mereka berhenti beroperasi.

- Tanya pembekal runcit elektrik anda untuk menerangkan mana-mana bahagian kontrak yang anda tidak jelas.

- Simpan salinan kontrak untuk rujukan.



Pembekal Runcit elektrik anda akan memaklumkan anda sekurang-kurangnya 10 hari perniagaan sebelum kontrak anda tamat. Pilihan anda adalah:

- Lanjutkan kontrak dengan pelan sedia ada atau pilih pelan baharu
- Beralih kepada pembekal runcit elektrik baru
- Beralih kembali kepada SP Group pada tarif terkawal

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai Pasaran Terbuka untuk Bekalan Elektrik, layari www.openelectricitymarket.sg atau hubungi 1800-233-8000.



The Power
to Choose



Smart Energy, Sustainable Future